



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 8 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KKM AKAN KENAL PASTI TINDAKAN TERHADAP PENJUAL 'ENERGY STICK'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058463/kkm-akan-kenal-pasti-tindakan-terhadap-penjual-energy-stick	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1209710/kkm-pantau-kenal-pasti-tindakan-boleh-diambil-terhadap-penjualan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/07/kkm-kenal-pasti-tindakan-sesuai-ke-atas-penjual-energy-stick/	KOSMO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1010786/health-ministry-take-action-against-sellers-vape-products-targeting	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KELAB SKUAD SAYANG 3K BERSAMA WANITA BN SANTUNI PENGHUNI WARGA EMAS RUMAH KEBAJIKAN – NORAINI AHMAD	
	https://umno-online.my/2024/02/07/kelab-skuad-sayang-3k-bersama-wanita-bn-santuni-penghuni-warga-emas-rumah-kebaikan-noraini-ahmad/	UMMNO-ONLINE.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=LzhKHVVUOks	YOUTUBE
	https://umno-online.my/2024/02/07/menyantuni-penghuni-rumah-ti-ratana/	UMMNO-ONLINE.MY
	https://umno-online.my/2024/02/07/sumbangan-bakul-makanan-4/	UMMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	FATIMAH: RM300,000 ALLOCATED FOR NEW RECIPIENTS UNDER HOUSEHOLD ASSISTANCE PROGRAMME THIS YEAR	
	https://www.theborneopost.com/2024/02/07/fatimah-rm300000-allocated-for-new-recipients-under-household-assistance-programme-this-year/	THEBORNEOPOST.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	BAYI PEREMPUAN 11 BULAN DISYAKI DIDERA DI PUSAT ASUHAN	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/07/bayi-perempuan-11-bulan-disyaki-didera-di-pusat-asuhan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058616/pengasuh-ditahan-pukul-bayi-11-bulan-dengan-objek-keras	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2268688	BERNAMA.COM
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-disyaki-dera-bayi-ditahan	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://siakapkei.my/2024/02/07/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-11-bulan/	SIAKAPKEI.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/648459/berita/semasa/pengasuh-ditahan-disyaki-dera-bayi-11-bulan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/bayi-perempuan-11-bulan-disyaki-didera-di-pusat-asuhan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1209894/pengasuh-ditahan-pukul-bayi-11-bulan-dengan-objek-keras	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/02/07/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-bayi-11-bulan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/07/warga-emas-disyaki-dera-bayi-ditahan/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/07/babysitter-arrested-over-alleged-abuse-at-childcare-centre	THESTAR.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/02/1010845/babysitter-arrested-over-alleged-abuse-childcare-centre	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PERKASA WANITA JANA PENDAPATAN, PERSEDIAAN MENITI HARI TUA	
	https://suarasarawak.my/perkasa-wanita-jana-pendapatan-persediaan-meniti-hari-tua/	SUARASARAWAK.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	MENINGGALKAN KANAK-KANAK DALAM KENDERAAN TANPA PENGAWASAN SATU KESALAHAN SERIUS	
	https://suarasarawak.my/meninggalkan-kanak-kanak-dalam-kenderaan-tanpa-pengawasan-satu-kesalahan-serius/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PENIAGA DITAHAN CABUL KEHORMATAN 6 KANAK-KANAK LELAKI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-ditahan-cabul-kehormatan-6-kanakkanak-lelaki-457219	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiagazette.com/2024/02/07/peniaga-warung-hisap-kemaluan-6-kanak-kanak-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/07/peniaga-warung-umpan-rm100-amang-seksual-enam-budak-lelaki/	KOSMO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/upah-rm50-rm100-untuk-melakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-mangsa/	BULETINTV3.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/07/umpan-sampai-rm100-lelaki-disyaki-amang-seksual-6-budak-dicekup/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=fHjByd273Co	YOUTUBE
	https://sengatdaily.com/umpan-rm100-amang-seksual-enam-budak-lelaki-peniaga-warung-dicekup/	SENGATDAILY.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058467/pakcik-gila-jadikan-6-budak-pemuas-nafsu	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PENIAGA MAKANAN DICEKUP AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/648357/berita/semasa/peniaga-makanan-dicekup-amang-seksual-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1209772/beri-upah-rm50-rm100-sebelum-cabul-budak-lelaki	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/peniaga-warung-bayar-rm100-amang-seksual-enam-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY
	https://siakapkeli.my/2024/02/07/peniaga-warung-terkenal-ditahan-disyaki-cabul-kehormatan-6-kanak-kanak-lelaki/	SIAPAPKELI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	POLIS BURU SUSPEK CABUL WANITA PEKERJA KEDAI RAWATAN KECANTIKAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/polis-buru-suspek-cabul-wanita-pekerja-kedai-rawatan-kecantikan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/07/perak-cops-hunting-for-suspected-molester	THESTAR.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/02/07/polis-buru-suspek-cabul-pekerja-pusat-kecantikan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/02/07/polis-buru-suspek-cabul-pekerja-pusat-kecantikan/	TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	MEKANIK MENGAKU ROGOL ADIK BEKAS KEKASIH HINGGA HAMIL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058505/mekanik-mengaku-rogol-adik-bekas-kekasih-hingga-hamil	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=xou3MLa8wwI	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=-mrpBDyRRps	YOUTUBE



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	ROGOL ANAK HINGGA BERSALIN, BAPA DICEKUP SELEPAS TIGA BULAN HILANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1058567/rogol-anak-hingga-bersalin-bapa-dicekup-selepas-tiga-bulan-hilang	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=uzCBwttiVHU	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/02/buruh-ditahan-dipercayai-rogol-anak-kandung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/07/man-who-allegedly-raped-impregnated-daughter-nabbed-after-three-month-manhunt	THESTAR.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/07/3-bulan-hilang-bapa-rogol-anak-hingga-bersalin-ditahan/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.melakahariini.my/buruh-direman-tujuh-hari-rogol-anak-perempuan/	MELAKAHARIINI.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=fTIGQgQB_6A	YOUTUBE
	https://suaramerdeka.com.my/bapa-kandung-rogol-anak-hingga-lahirkan-anak-direman-tujuh-hari/	SUARAMERDEKA.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-dirogol-bapa-kandung-hingga-melahirkan-anak-457262?	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=AZ6-vkSQKiY	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=fdh6lw7k_lg	YOUTUBE
	https://malysiagazette.com/2024/02/07/rogol-anak-sampai-bersalin-bapa-direman-7-hari/	MALYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

8/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PENGURUS RESTORAN DEKAT BUKIT BINTANG LAPOR POLIS KES GANGGUAN SEKSUAL WARGA ASING	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1209746/pengurus-restoran-dekat-bukit-bintang-lapor-polis-kes-gangguan-seksual	BHARIAN.COM.MY
	https://malysiagazette.com/2024/02/07/pengurus-restoran-dakwa-diganggu-secara-seksual/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.malysiakini.com/news/695610	MALYSIAKINI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=OY3rcvw-a6Q	YOUTUBE
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/gaduh-dalam-restoran-lelaki-warga-asing-direman-sehingga-jumaat	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://thesun.my/cerita/polis-pergaduhan-dalam-restoran-lelaki-warga-asing-disiasat-mengikut-seksyen-507a-kk-AE12073102	THESUN.MY



KKM akan kenal pasti tindakan terhadap penjual 'energy stick'

Aizat Sharif
am@hmetro.com.my



LUKANISMAN (kiri) menandatangani pembukaan Wellness Hub UTC Perlis. FOTO Aizat Sharif

KANGAR: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mengenal pasti tindakan serta peraturan yang boleh diambil terhadap penjual produk penyedut hidung atau 'energy stick' yang semakin digunakan kanak-kanak sekolah.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, pihaknya juga sudah dihubungi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung isu berkenaan.

"Namun, di pihak KKM pula, sudah pasti kita akan melihat apakah bentuk tindakan dan peraturan yang kita boleh ambil untuk mengelakkan 'nasal inhaler' ini daripada terus dijual di pasaran kerana ia menyerupai 'vape' dan boleh memudaratkan kesihatan terutama kanak-kanak.

"Perkara ini masih baru dan kita tiada data penggunaan produk ini dalam kalangan kanak-kanak namun kita sedang memantau secara rapi isu ini," katanya selepas melancarkan Wellness Hub Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis dan Program Advokasi Mengurangkan Gula serta Hari Kanser Sedunia Peringkat Negeri Perlis di sini, hari ini.


Turut hadir, Exco Kesihatan Negeri Perlis, Megat Hashirat Hassan dan Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Dr Ismuni Bohari.

Lukanisman berkata, kenyataan selanjutnya berhubung isu berkenaan akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan kelak.

Terdahulu, beliau meninjau Wellness Hub iaitu pusat komuniti setempat yang menawarkan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan yang komprehensif dan bersepadu kepada komuniti setempat.

Ia selari dengan halatuju KKM agar individu lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan diri, keluarga dan komuniti.

Disiarkan pada: Februari 7, 2024 @ 1:18pm



Kelab Skuad Sayang 3K Bersama Wanita BN Santuni Penghuni Warga Emas Rumah Kebajikan – Noraini Ahmad

7 February 2024 Berita Utama



KUALA LUMPUR, 7 Feb – Kelab Skuad Sayang 3K menyantuni rumah Ti-Ratana Welfare Society Malaysia, di sini sempena Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2024.

Pesuruhjaya yang juga Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata pemilihan rumah kebajikan berkenaan adalah bagi menceriakan lagi warga emas serta memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan Kelab Skuad Sayang 3K. Menurutnya, pada tahun ini, Kelab Skuad Sayang 3K telah memilih dan berbincang dengan Yayasan Kebajikan Negara serta pengasas rumah kebajikan berkenaan dengan memberikan sumbangan sempena Tahun Baharu Cina.



"Kelab Skuad Sayang 3K adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kita bergerak bersama-sama Wanita Barisan Nasional (BN) serta mendapat bantuan daripada Yayasan Kebajikan Negara untuk memberi sumbangan kepada sebahagian daripada penghuni Persatuan Kebajikan Ti-Ratana ini.

"Penghuni di sini terdapat 600 orang tapi pihak kebajikan Ti-Ratana mencadangkan memberi sumbangan seramai 80 orang penerima bantuan yang berupa kotak makanan, limau mandarin dan sumbangan kewangan kepada persatuan tersebut," katanya.

Turut hadir Setiausaha Wanita UMNO, Datuk Rosni Sohar, Ketua Penerangan Wanita UMNO Datuk Rosni Zahari, Pengasas Ti-Ratana Welfare Society Malaysia Datuk K.Sri Dhammaratana serta penghuni-penghuni rumah kebajikan tersebut.

Noraini yang juga Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjelaskan Wanita UMNO/BN sentiasa menyantuni masyarakat sama ada sebelum masa COVID-19 dan sehingga kini.



"Kita buat setiap tahun kecuali masa zaman pandemik Covid-19. Sebelum itu program bantuan ini selalu diadakan tapi kita serahkan pada pihak bahagian UMNO/BN untuk melaksanakan.

"Di peringkat nasional pula kami sentiasa menyantuni masyarakat seperti pergi dari rumah warga emas, rumah kebajikan untuk memberi bantuan berupa barangan yang diberikan seperti hari ini bersempena Tahun Baharu Cina," jelasnya.

Pada masa yang sama Ahli Parlimen Parit Sulong itu menasihati rakyat Malaysia yang ingin pulang menyambut Tahun Baru Cina dan bercuti agar berhati-hati memandu pulang ke destinasi masing-masing.



"Bagi pihak Kementerian dan Wanita UMNO/BN ingin mengucapkan selamat Tahun Baru Cina dan berhati-hati memandu balik kampung kerana yang balik kampung ini bukannya hanya majoriti kaum Cina tapi semua rakyat Malaysia yang akan mengambil kesempatan bercuti.

"Tidak ketinggalan juga pada masyarakat Cina di Parlimen Parit Sulong. Sebenarnya setiap tahun saya akan pergi beraya rumah ke rumah dengan masyarakat Cina di dalam kawasan ini. Saya harap semuanya akan baik-baik belaka dan 'safe to home'. ujamya. – UMNO Online



Fatimah: RM300,000 allocated for new recipients under household assistance programme this year

BY MARILYN TEN ON FEBRUARY 7, 2024, WEDNESDAY AT 6:02 PM

SARAWAK



Fatimah (third right) presents the KIRWaS assistance to a recipient, witnessed by Wee (second right), Noriah (second left) and others.

KUCHING (Feb 7): A sum of RM300,000 has been allocated by the Sarawak government to benefit 628 new recipients under the Sarawak Women Head of Household Assistance (KIRWaS) programme this year, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said this programme aims to empower Sarawakian women with business capital to engage in entrepreneurship while increasing women's participation in the economic sector.

She also said that her ministry through the Sarawak Women and Family Department (JWKS) will be carrying out a six-month monitoring programme on recipients after they have received the assistance to ensure the effectiveness of this initiative.

"This is so that the aid recipients can successfully generate income above the current Poverty Line Income (PGK) which is RM2,618 per month," she said at the Sarawak Women's Empowerment Capital Grant Presentation at the main hall of The Federation of Chinese Associations Kuching, Samarahan and Serian Divisions here today.

Fatimah pointed out that Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg had previously mentioned that there was no reason why the state government should not continue providing allocations so long as the projects or initiatives have proven to be beneficial for the people.

"So, it is very important that the recipients who receive KIRWaS this year can prove that the assistance they received will not be in vain and have contributed to an increase of their income.

"We will document all this in terms of their success and from there, this allows us to ask for more allocation for other groups in the coming year," she said.

Fatimah said JWKS was also allocated RM2.5 million by the Sarawak government for the implementation of the Sarawak Women's Empowerment Capital Grant.

"The Sarawak Women's Empowerment Capital Grant is in the form of business equipment amounting to RM2,000 for a participant (one-off) in the target group, namely Sarawakian women entrepreneurs aged 18 and above in the B40 group who are eligible.

"I understand that for the Kuching Division, a total of 311 women entrepreneurs will receive equipment from the beginning of January this year.

"Therefore, we hope that the recipients will take full advantage of this capital grant in developing their respective businesses," she said.

She pointed out that the implementation of the Sarawak Women's Empowerment Capital Grant involved collaboration between JWKS and strategic partners among Sarawak non-governmental organisations (NGOs).

"I would like to thank The Federation of Chinese Associations for being a strategic partner for the implementation of this initiative for the Kuching and Samarahan Divisions.

"Hopefully all the components in the implementation of this initiative including the purchase of goods, monitoring the receipt of goods and the progress of the recipients' income can be done smoothly and well with the collaboration with The Federation of Chinese Associations throughout this year," she said.

Also present were Federation of Chinese Associations of Sarawak president Dato Richard Wee and Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development permanent secretary Noriah Ahmad.



Bayi perempuan 11 bulan disyaki didera di pusat asuhan

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL 7 Februari 2024, 6:15 pm



Gambar hiasan

SEREMBAN – Seorang bayi perempuan berusia 11 bulan disyaki telah didera di sebuah pusat asuhan kanak-kanak yang terletak di sebuah taman perumahan di Nilai di sini pada Isnin lalu.


Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Abdul Malik Hasim berkata, lebih kurang pukul 6.12 petang semalam, pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai telah menerima laporan polis daripada seorang wanita berusia 20-an yang menyatakan anak perempuannya telah didera di pusat asuhan terbabit.

"Siasatan awal oleh pihak polis mendapati kejadian berlaku pada Isnin lalu, lebih kurang pukul 8 pagi hingga 6.18 petang. Pusat asuhan tersebut telah beroperasi selama lebih kurang 20 tahun dan penubuhannya mendapat kelulusan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan.

"Semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati suspek yang merupakan pekerja pusat asuhan kanak-kanak telah memukul mangsa. Hasil keterangan pakar perubatan yang merawat mangsa menyatakan mangsa mengalami kecederaan bengkak di bahagian mata kemungkinan terkena objek yang keras," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Malik berkata, susulan daripada kejadian ini, kira-kira pukul 12.30 tengah hari tadi pihak polis dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Nilai telah membuat tangkapan ke atas suspek seorang wanita berusia 66 tahun yang merupakan pekerja pusat asuhan tersebut.

Katanya, semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah dan tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. – KOSMO! ONLINE



Perkasa wanita jana pendapatan, persediaan meniti hari tua

📍 Bilik Berita 3 📍 SARAWAK 📅 7 Februari 2024



Datuk Sri Fatimah Abdullah merakam gambar kenangan bersama-sama penerima Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak di Persekutuan Persatuan Cina Sarawak, di sini, hari ini.

KUCHING: Golongan wanita di Sarawak disarankan untuk membuat pelaburan dan perancangan awal sebagai persediaan menjadi warga emas yang lebih berdikari menjelang hari tua kelak.

Ia berdasarkan pelbagai kajian dan penemuan yang mendapati usia kaum wanita lebih panjang daripada lelaki. Malah kajian terkini mendapati wanita di Malaysia mampu hidup lebih lama daripada lelaki dengan jangka hayat masing-masing sekitar 75.6 tahun dan 70.8 tahun.

Sehubungan itu, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Datuk Sri Fatimah Abdullah memberitahu, Kerajaan Sarawak menyediakan pelbagai program untuk membantu golongan hawa memperkasa kemahiran bagi menjana pendapatan tambahan.

"Oleh sebab itu, saya selaku menteri bertanggungjawab setiap tahun memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan untuk membolehkan golongan ini terlibat dalam perniagaan.

"Ini penting sebagai persediaan kerana kita mahu memastikan wanita mempunyai wang simpanan sendiri dan mampu berdikari dalam perbelanjaan khususnya dari sudut pembiayaan kesihatan di usia warga emas kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak di Persekutuan Persatuan Cina Sarawak, di sini, hari ini.


Sementara itu katanya melalui Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS), menteriannya meneruskan program pembangunan usahawan yang merangkumi bantuan perniagaan seperti Bantuan Ketua Isi Rumah Wanita Sarawak (KIRWaS) dan Geran Modal Pemerkasaan Wanita.

"Bagi KIRWaS, pada tahun ini terdapat seramai 600 penerima baharu di seluruh negeri melibatkan peruntukan berjumlah RM300,000, manakala tahun lalu seramai 158 usahawan wanita di Bahagian Kuching menerima bantuan ini," jelasnya.

Untuk modal pemerkasaan wanita pula ujarnya, ia JWKS diperuntukkan dengan geran berjumlah RM2.5 juta. Ia adalah bantuan berbentuk peralatan perniagaan bernilai RM2,000 sekali beri kepada golongan sasaran B40, usahawan wanita Sarawak berumur 18 tahun ke atas.



Datuk Sri Fatimah Abdullah menyampaikan Geran Modal Pemerkasaan Wanita Sarawak kepada salah seorang penerima di Persekutuan Persatuan Cina Sarawak, di sini, hari ini.



Meninggalkan kanak-kanak dalam kenderaan tanpa pengawasan satu kesalahan serius

📍 Bilik Berita 3 📖 SARAWAK 📅 7 Februari 2024




KUCHING: Menurut Jabatan Penerangan Malaysia seperti yang dikongsikan dalam Facebook, kecuaihan individu meninggalkan kanak-kanak dalam kenderaan tanpa pengawasan adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Ibu bapa atau penjaga yang disabit kesalahan boleh dikenakan denda RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun.

Malah mereka juga boleh menerima hukuman kedua-dua sekali.

Banyak kes berlaku tertinggal anak dalam kereta sehingga mengakibatkan kematian.

Terbaharu kes anak meninggal dalam kereta di kawasan parkir Hospital Shah Alam.



Peniaga ditahan cabul kehormatan 6 kanak-kanak lelaki

Shuhada Abdul Kadir

Februari 7, 2024 12:15 MYT



Polis Melaka menahan seorang peniaga warung terkenal di Jasin, selepas disyaki menjadikan enam kanak-kanak lelaki sebagai pemuas nafsu songsangnya dengan mencabul kehormatan mereka sejak September tahun lalu.

JASIN: Polis Melaka menahan seorang peniaga warung terkenal, di sini, selepas disyaki menjadikan enam kanak-kanak lelaki sebagai pemuas nafsu songsangnya dengan mencabul kehormatan mereka sejak September tahun lalu.

Lebih menjijikkan apabila lelaki berusia 57 tahun itu turut memberi habuan antara RM50 hingga RM100 terhadap semua mangsa yang berumur antara 12 hingga 13 tahun untuk melampias nafsunya.


Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Ahmad Jamil Radzi berkata, tindakan suspek terbongkar selepas keenam-enam mangsa tampil membuat laporan semalam.

"Bertindak atas maklumat yang diterima, suspek kemudian berjaya di tahan di rumahnya di Simpang Bekoh, di sini kira-kira pukul 8.56 malam tadi.

"Siasatan awal mendapati, suspek akan memberi upah RM50 hingga RM100 kepada mangsa-mangsa yang masih bersekolah ini sebelum dia mencabul kehormatan kanak-kanak berkenaan," katanya.

Tambah Ahmad Jamil, Majistret Mohd Firdaus Salleh di Mahkamah Jasin, hari ini, membenarkan permohonan reman selama tujuh hari ke atas suspek sehingga 13 Februari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a)/15A(1)/ 15B(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.



Peniaga makanan dicekup amang seksual kanak-kanak

Oleh NOR FARHANA YAACOB [Follow](#) 07 Februari 2024 12:30pm



Suspek direman bagi kes amang seksual terhadap kanak-kanak lelaki pada Rabu.

JASIN - Tindakan jijik seorang peniaga makanan yang menjadikan enam kanak-kanak lelaki sebagai pemuas nafsu akhirnya terbongkar selepas dicekup polis.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintenden Ahmad Jamil Radzi berkata, tangkapan terhadap suspek berusia 57 tahun itu dilakukan pada Selasa lalu susulan pihaknya menerima laporan polis yang dibuat kesemua mangsa.

Menurutnya, siasatan awal mendapati mangsa yang masih bersekolah diberikan upah bayaran RM50 hingga RM100 bagi melakukan perbuatan keji terbabit.

"Suspek ditahan di rumahnya di Simpang Bekoh pada jam 8.56 malam Selasa.




Suspek berusia 57 tahun direman selama tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Jasin pada Rabu.

"Berdasarkan siasatan juga suspek dipercayai memberikan wang tersebut sebagai upah sebelum menghisap kemaluan mangsa," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, siasatan masih diteruskan di bawah Seksyen 14(a)/15A(1)/ 15B(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sebelum itu, Majistret Mohd Firdaus Salleh di Mahkamah Jasin membenarkan permohonan reman selama tujuh hari terhadap suspek sehingga Selasa ini.



Polis buru suspek cabul wanita pekerja kedai rawatan kecantikan



LELAKI yang diburu kerana disyaki mencabul kehormatan seorang wanita di hadapan sebuah premis rawatan kecantikan di Hutan Melintang, Bagan Datuk bulan lalu. - UTUSAN/IHSAN PDRM

Oleh ASLIZA MUSA 7 Februari 2024, 6:13 pm

BAGAN DATUK: Polis giat mengesan seorang lelaki yang disyaki mencabul kehormatan seorang wanita di hadapan sebuah premis rawatan kecantikan di Hutan Melintang, bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, kejadian pada 1.30 petang, 13 Januari lalu itu membabitkan mangsa warga tempatan berusia 22 tahun.


Katanya, mangsa yang merupakan pekerja di premis berkenaan mendakwa telah dipeluk dan diraba dari belakang oleh seorang lelaki tidak dikenali.

"Kejadian berlaku ketika mangsa sedang membuka pintu premis. Suspek telah meramas dada dan punggung mangsa beberapa kali sebelum melarikan diri.

"Hasil siasatan polis di lokasi kejadian berjaya mendapatkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang merakam perbuatan dan wajah suspek," katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, usaha dijalankan bagi mengesan suspek untuk siasatan di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan suspek terbabit diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi pegawai penyiasat kes, Sarjan Shahzawani di talian 05-6299222," katanya. - [UTUSAN](#)



Mekanik mengaku rogol adik bekas kekasih hingga hamil

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Muar: Mekanik yang pernah dituduh mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007, mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik bekas wanitanya hingga hamil, bulan lalu.

Amer Hamdy Rosli, 23, yang didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Irwan Suaibon.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol adik bekas teman wanitanya berusia 13 tahun di sebuah rumah dalam daerah ini, pada jam 5 pagi, 22 Disember lalu.

Hukuman bagi pertuduhan itu adalah tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan juga dikenakan sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memberitahu mahkamah bahawa tiada jaminan ditawarkan terhadap tertuduh memandangkan kesalahan dilakukannya serius serta selari dengan Seksyen 56B Kanun Keseksaan.

Selepas mendengar hujahan pihak pendakwaan, mahkamah memutuskan tiada sebarang ikat jamin dibenarkan terhadap tertuduh.

Pada masa sama, mahkamah juga menetapkan 19 Februari ini untuk pihak pendakwaan menyediakan fakta kes serta menjatuhkan hukuman.


Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Azizi dilaporkan berkata, polis menahan tertuduh selepas ibu mangsa membuat laporan mengenai anaknya didakwa dirogol hingga hamil.

Katanya, sebelum kejadian itu, tertuduh yang didakwa mengikut akta ATIPSOM kerana menyeludup pendatang asing bulan lalu, merogol mangsa ketika bertandang ke rumah remaja itu.

Menurutnya, kejadian itu terbongkar dan mangsa disahkan hamil melalui ujian air kencing yang dijalankan di Klinik Kesihatan Maharani, di sini selepas mangsa mengalami muntah dan demam.



Amer Hamdy dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku merogol adik bekas wanitanya hingga hamil. FOTO Alias Abd Rani



Rogol anak hingga bersalin, bapa dicekup selepas tiga bulan hilang

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@ihmetro.com.my



Melaka: Lebih tiga bulan menghilangkan diri, seorang lelaki akhirnya dicekup polis semalam kerana disyaki merogol anak kandungnya hingga melahirkan anak.

Suspek dikatakan bertindak melarikan diri apabila perbuatannya terbongkar susulan laporan dibuat seorang pegawai perubatan Hospital Melaka yang merawat mangsa pada Oktober 2023.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Zainol Samah berkata, lelaki berusia 38 tahun itu ditahan di tepi jalan Kampung Kelemak Dalam, kira-kira 12 tengah hari semalam.

Menurutnya, suspek yang mempunyai enam rekod jenayah lampu termasuk berkaitan dadah dikatakan merogol anaknya sejak mangsa berusia 14 tahun.

Katanya, mangsa yang juga anak kedua daripada tiga beradik pada mulanya memaklumkan perutnya sakit sebelum dibawa oleh ibunya untuk pemeriksaan di Klinik kesihatan Durian Tunggal, pada 1.13 tengah hari, 11 Oktober 2023.



SUSPEK direman 7 hari bagi membantu siasatan atas dakwaan merogol anak kandungnya hingga melahirkan anak. FOTO Meor Riduwan Meor Ahmad.

"Hasil pemeriksaan, doktor mendapati mangsa mengandung dan dirujuk ke Hospital Melaka kerana di bawah umur.


"Ibu mangsa memaklumkan mahu membuat buku mengandung sebelum doktor melakukan pemeriksaan dan mendapati anaknya mengandung 19 minggu.

"Mangsa memberitahu dia dirogol oleh bapanya sebelum doktor berkenaan membuat laporan polis," katanya dalam kenyataan di sini.

Zainol berkata, mangsa tahu dirinya mengandung, namun tidak tahu apa hendak dilakukan sebelum mengadu sakit perut kepada ibunya.

"Mangsa selamat melahirkan seorang bayi perempuan pada 5 Februari lalu kira-kira jam 1 tengah hari di Hospital Melaka," katanya.

Sementara itu, Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman membenarkan suspek direman tujuh hari bermula di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.



Pengurus restoran dekat Bukit Bintang lapor polis kes gangguan seksual warga asing

Oleh Raja Noraina Raja Rahim - Februari 7, 2024 @ 2:26pm
noraina@hmetro.com.my



Kejadian pergaduhan warga tempatan dan seorang warga asing di hadapan sebuah restoran makanan segera di Jalan Bukit Bintang.

KUALA LUMPUR: Polis menerima laporan daripada pengurus wanita mendakwa diganggu secara seksual oleh warga asing yang terbabit pergaduhan dengan pekerja restoran diurusnya dekat Jalan Bukit Bintang, di sini, semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, berkata pihaknya menerima dua laporan polis berhubung kejadian itu.

"Laporan pertama membabitkan siasatan mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksan iaitu merusuh yang mana kesemua individu terbabit sudah ditahan.

"Manakala laporan kedua dibuat pengurus restoran disiasat mengikut Seksyen 507A Kanun Keseksan kerana menghendap," katanya dalam sidang media selepas membuat lawatan Projek Perintis Rapid KL Safety Point di Stesen Monorel Hang Tuah di sini, hari ini.

Allaudeen berkata, suspek kes kedua iaitu warga asing berusia 33 tahun yang ditahan berkaitan kes pertama akan ditahan bagi membantu siasatan kes kedua selepas ini.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, seramai empat warga tempatan dan seorang warga asing ditahan kerana terbabit dalam pergaduhan di hadapan sebuah restoran makanan segera di Jalan Bukit Bintang, di sini.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahya dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu 11.50 pagi Isnin selepas rakaman video kejadian itu tular di aplikasi X.

Beliau dipetik berkata, siasatan awal mendapati kejadian dipercayai berpunca akibat tindakan lelaki warga asing terbabit dikatakan mengganggu seorang wanita yang juga pengurus restoran berkenaan.

Sebelum itu tular satu klip video berdurasi 16 saat memaparkan sekumpulan individu dipercayai pekerja sebuah restoran makanan segera bergaduh dengan individu lain sementara beberapa pekerja lain cuba meleraikan pergaduhan berkenaan.

Berdasarkan video tular berkenaan pergaduhan itu dipercayai berlaku di hadapan restoran makanan segera terbabit sambil diperhatikan oleh orang ramai yang lalu-lalang di situ.